



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PERLIS

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon **Warganegara Malaysia** berstatus Bumiputera yang berkelayakan dalam untuk mengisi kekosongan jawatan **Tetap** di **Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Kampus Arau**.

JAWATAN PENTADBIRAN

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL					
1.	PENOLONG PENDAFTAR (HAL EHWAL ISLAM)	N41	Pegawai Tadbir	RM 2,080.00	RM 9,546.00

JAWATAN PENTADBIRAN

PENOLONG PENDAFTAR (HAL EHWAL ISLAM)

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,080.00); atau

(ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,283.43)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir, Setiausaha Pejabat, Penghulu, Penolong Pengurus Asrama, Penolong Pegawai Tanah atau Penolong Pentadbir Tanah adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan: (a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau (ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) Had umur pelantikan :

- (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

1. Pemohon-pemohon lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
2. Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun **MESTILAH MELALUI KETUA JABATAN** dan hendaklah disertakan dengan **SALINAN KENYATAAN PERKHIDMATAN YANG DIKEMAS KINI**.
3. Setiap permohonan **MESTILAH** disertakan dengan **SALINAN** dokumen berikut yang telah **DISAHKAN**:

- Kad Pengenalan
- Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf
- Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, PhD (Skrol dan Transkrip Akademik Terperinci)
- Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
- Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada / terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja / penetapan gaji
- Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan Kerajaan / Badan Berkanun/Separa Kerajaan yang sedang berkhidmat
- Salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga (3) tahun berturut-turut

4. Nama **jawatan yang dipohon** hendaklah dinyatakan di **penjuru atas sebelah kiri sampul surat** permohonan.
5. Borang yang tidak lengkap dan permohonan calon dari jabatan kerajaan / badan berkanun / separa kerajaan yang tidak memohon melalui majikan **tidak akan diproses**.
6. Hanya pemohon-pemohon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.
7. Pemohon yang tidak menerima jawapan daripada pihak universiti selepas **enam (6) bulan** dari tarikh iklan ditutup adalah dianggap tidak berjaya.
8. Pemohon-pemohon mestilah bersedia untuk berkhidmat di **Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis**.

CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dibuat di dalam menggunakan **Borang Perjawatan UiTM** yang boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Perlis melalui <https://perlis.uitm.edu.my/>

Tarikh tutup permohonan adalah pada **27 Ogos 2021 (Jumaat)**

Sila kemukakan permohonan kepada:



**TIMBALAN PENDAFTAR
BAHAGIAN PENTADBIRAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERLIS
02600 ARAU
PERLIS
NO. TELEFON: 04- 9882000 / 2204 / 2207 / 2210**